

PETIKAN AKHBAR

Putus hubungan diplomatik dengan Korea Utara tiada impak ke atas ekonomi Malaysia: Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 21 MAC 2021



ARAU, 20 Mac – Tindakan Korea Utara memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia tidak memberi kesan kepada ekonomi negara ini, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Menurut beliau, ini ialah kerana sumbangan daripada negara itu terhadap ekonomi Malaysia pada ketika ini adalah amat kecil.

"Saya rasa tiada impak, sebab kecil sahaja sumbangannya (kepada ekonomi negara)," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program perjumpaan bersama pengusaha mangga harumanis Perlis di sini pada Sabtu. Beliau diminta mengulas sama ada tindakan Korea Utara itu memberi kesan terhadap ekonomi negara.

Sementara itu, Tengku Zafrul mengulangi pendirian kerajaan untuk tidak memperkenalkan sebarang bentuk sistem percukaian baharu ketika ini, sebaliknya akan memberi tumpuan terhadap program pemulihan ekonomi bagi menjana hasil kepada negara.

Beliau menjelaskan kerajaan memang sedang membuat kajian ke atas semua bentuk sistem percukaian, namun, sekadar di peringkat kajian tanpa ada perancangan untuk dilaksanakan pada masa ini. "Fokus kerajaan kini adalah

"Iapi tahun ini, Insyallah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kita diunjurkan lebih kurang antara 6.5 hingga 7.5 peratus, ekonomi naik, hasil pun akan naiklah berbanding dengan tahun lepas," katanya.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul berkata peruntukan bantuan khas berjumlah RM260 juta kepada semua kerajaan negeri yang diumumkan hari ini dijangka dapat membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkata menerusi peruntukan itu, setiap negeri akan disalurkan sebanyak RM20 juta dalam masa terdekat bagi melaksanakan projek-projek kecil khusus untuk kontraktor kelas G1 hingga G4.

"(Sebab) projek-projek kecil ini mempunyai kesan pengganda yang sangat tinggi, jadi ia sangat berkesan untuk rangsangkan ekonomi dengan lebih cepat," kata beliau.

Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK